

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 2 APRIL 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah yang akan diambil untuk menaik taraf jalan di sekitar bulatan lumba kuda Selangor dan jalan keluar dari Lebuhraya Utara Selatan ke Lebuhraya Bukit Jalil yang sering mengalami kesesakan trafik yang teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik yang berlaku di sekitar Bulatan Lumba Kuda di Seri Kembangan dan jalan-jalan penghubung lain di sekitar kawasan tersebut.

Sehubungan itu, kementerian ini telah memohon peruntukan sebanyak RM600 juta daripada Agensi Pusat untuk kelulusan dalam RMKe-11 (2016 – 2020). Skop projek yang dicadangkan itu ialah seperti berikut:

- (a) Menaik taraf 9 persimpangan di Lebuhraya Bukit Jalil; iaitu 5 persimpangan dinaik taraf kepada jenis 'grade separated' (termasuk di Bulatan Lumba Kuda), dan 4 persimpangan lagi dinaik taraf kepada jenis 'left-in' dan 'left-out' sahaja;
- (b) Menaik taraf jalan masuk ke kawasan Technology Park Malaysia (TPM) dari 4 lorong 2 hala kepada 6 lorong 2 hala; dan
- (c) Membina jalan masuk yang baru dari dari Lebuhraya Bukit Jalil ke kawasan Technology Park Malaysia (TPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan senarai projek RMKe-11 yang akan diumumkan Kerajaan pada bulan Jun 2015 nanti.

Sekian. Terima kasih.